



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI



PUSAT PEMBANGUNAN AKADEMIK
CENTRE FOR ACADEMIC DEVELOPMENT

Rujukan Kami : UPM.CADe.500-6/2/1
(Bulan Pendidik 2022)
Tarikh : 25 Ogos 2022

Dekan, Fakulti Pertanian
Dekan, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar
Dekan, Fakulti Perubatan Veterinar
Dekan, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi
Dekan, Fakulti Kejuruteraan
Dekan, Fakulti Pengajian Pendidikan
Dekan, Fakulti Sains
Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan
Dekan, Fakulti Ekologi Manusia
Dekan, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Dekan, Fakulti Rekabentuk dan Senibina
Dekan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Dekan, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Dekan, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul
Pengarah, Pusat Asasi Sains Pertanian
Pengarah, Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa
Pengarah, Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan

Dekan, Fakulti Sains Pertanian dan Perhutanan
Dekan, Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains
UPM Kampus Bintulu, Jalan Nyabau
PO Box 396, 97008 Bintulu
Sarawak

YBhg. Prof./Tuan/Puan,

**PERTANDINGAN AMALAN TERBAIK INOVASI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
ANTARA FAKULTI/SEKOLAH/PUSAT PENGAJIAN 2022 BERSEMPENA DENGAN
BULAN PENDIDIK UPM**

Dengan segala hormatnya perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa **Pertandingan Amalan Terbaik Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) antara Fakulti/Sekolah/Pusat Pengajian** merupakan acara tahunan sejak tahun 2016 yang diadakan bersempena dengan sambutan Bulan Pendidik pada bulan Oktober.

3. Bagi meneruskan usaha untuk melonjakkan kecemerlangan inovasi PdP universiti, **Pertandingan Amalan Terbaik Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran antara Fakulti/Sekolah/Pusat Pengajian 2022 akan diadakan pada 18 Oktober 2022 (Selasa) (tempat akan dimaklumkan kemudian).**

4. Untuk makluman YBhg. Prof./tuan/puan, penjurian akan dilaksanakan melalui penilaian terhadap bahan inovasi PdP, sesi *pitching* selama 15 minit dan soal jawab (5 minit). Setiap inovasi PdP akan dinilai berdasarkan kriteria berikut:

- i. Kreativiti dan sumbangan inovasi dalam menambahbaik kualiti PdP contohnya sebagai penyelesaian masalah/penambahbaikan proses sedia ada, pelaksanaan pembelajaran aktif dll.
- ii. Kebolegunaan dan keberkesanan penggunaan serta potensi inovasi,
- iii. Impak kepada pelajar/program/fakulti/sekolah/pusat pengajian/UPM.

Perincian maklumat Pertandingan Amalan Terbaik Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran antara Fakulti/Sekolah/Pusat Pengajian 2022 adalah seperti di **Lampiran**.

5. Fakulti/Sekolah/Pusat Pengajian yang memenangi pertandingan ini akan menerima hadiah seperti berikut:

- Tempat pertama- Wang tunai RM5,000.00, sijil dan piala pusingan
- Tempat kedua- Wang tunai RM3,000.00 dan sijil
- Tempat ketiga – Wang tunai RM2,000.00 dan sijil

6. Setiap fakulti/sekolah/pusat pengajian perlu mengisi borang penyertaan pertandingan secara dalam talian yang boleh dicapai melalui pautan https://bit.ly/InovasiPdP_2022 atau kod QR selewat-lewatnya pada **7 Oktober 2022 (Jumaat)**.



7. Bahan inovasi PdP dalam bentuk digital (tidak melebihi 100 MB) seperti video, dokumen, infografik, gambar dan lain-lain perlu disertakan bersama dalam borang pendaftaran. Bahan yang dimajukan hendaklah memfokuskan kepada amalan inovasi PdP berkaitan strategi dan kaedah penyampaian, bahan bantu mengajar dan penaksiran yang menonjolkan nic fakulti/sekolah/pusat pengajian.


Sebarang maklumat lanjut boleh menghubungi Pn. Yasminani Mohamad/En. Azry Mohd. Adeny melalui e-mel yasminani@upm.edu.my/ azryadeny@upm.edu.my.

Segala kerjasama, perhatian dan sokongan YBhg. Prof./tuan/puan didahului dengan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERILMU BERBAKTI”

Saya yang menjalankan amanah,


PROFESOR MADYA DR. WAN MARZUKI WAN JAAFAR, K.B.; P.A
Pengarah
Pusat Pembangunan Akademik (CADE)

s.k Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**PERTANDINGAN AMALAN TERBAIK INOVASI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
ANTARA FAKULTI/SEKOLAH/PUSAT PENGAJIAN 2022
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Terma pertandingan adalah seperti berikut:

- a) Pertandingan terhad kepada satu (1) penyertaan yang mewakili setiap fakulti/sekolah/pusat pengajian. Penyertaan boleh dibuat secara individu atau berkumpulan.
- b) Bahan inovasi PdP dalam bentuk digital (tidak melebihi 100 MB) seperti video, dokumen, infografik, gambar dan lain-lain perlu disertakan bersama dalam borang pendaftaran. Bahan yang dimajukan hendaklah memfokuskan kepada amalan inovasi PdP berkaitan strategi dan kaedah penyampaian, bahan bantu mengajar dan penaksiran yang menonjolkan nic fakulti/sekolah/pusat pengajian.
- c) Pertandingan akan diadili oleh dua (2) orang juri jemputan luar daripada universiti awam/swasta. Penjurian akan dilaksanakan melalui penilaian terhadap kandungan bahan inovasi PdP, sesi *pitching* selama 15 minit dan soal jawab (5 minit). Setiap inovasi PdP akan dinilai berdasarkan kriteria berikut:

Bil.	Kriteria Penilaian	Peratus (%)
1	Amalan Inovasi i. Kreativiti dan inovasi dalam PdP ii. Sumbangan kepada amalan terkini (menyelesaikan masalah/menambahbaik proses sedia ada)	30
2	Kebolegunaan i. Praktikal dan mudah dilaksanakan ii. Keberkesanan penggunaan iii. Berpotensi untuk dikembangkan	30
3	Impak i. Keberkesanan kepada pelajar/program/fakulti/sekolah/pusat pengajian/UPM	25
4	Persembahan i. Menarik ii. Mudah difahami	15
Jumlah		100

- a) Keputusan juri adalah muktamad.